



## **KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : REKABENTUK ASAS SENIBINA LANDSKAP

KOD MATA PELAJARAN : BPD 4182

KURSUS : 4 BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : **JAWAB EMPAT (4) SOALAN SAHAJA DARIPADA LIMA (5) SOALAN**

- S1 (a) Berdasarkan takrifan-takrifan yang diberikan kepada ‘Senibina Landskap’uraikan perbezaan ruang landskap yang terancang berbanding ruang tanah semula jadi yang tidak dibangunkan.  
(5 markah)
- (b) Terangkan kepentingan pembangunan landskap kawasan lapang kepada masyarakat di sesebuah kawasan perumahan.  
(10 markah)
- (c) Terangkan ciri-ciri landskap Perancis yang mendominasi Eropah antara tahun 1450 sehingga 1700.  
(10 markah)
- S2 (a) Dalam peringkat perancangan landskap, terdapat beberapa hierarki jenis-jenis taman. Terangkan sifat-sifatnya bagi **lima** hierarki jenis taman.  
(10 markah)
- (b) Terangkan objektif Pelan Induk Landskap bagi sesebuah kawasan.  
(5 markah)
- (c) Huraikan proses penyediaan Pelan Induk Landskap untuk sesebuah majlis perbandaran.  
(10 markah)
- S3 (a) Dengan bantuan lakaran garisan kontur, lakarkan bentuk muka bumi bagi perkara berikut:
- (i) Lembah (valley)
  - (ii) Rabung (ridge)
  - (iii) Puncak (summit)
  - (iv) Lubang (depression)
  - (v) Cerun cekung (concave slope)
- (5 markah)
- (b) Lampiran I menunjukkan pelan kontur sebuah kawasan berbukit. Tanda dan lorek julat kawasan tadahan hujan bagi tasik Y yang dilabelkan.  
(5 markah)

- (c) Berdasarkan Lampiran 1, sebuah tapak taman permainan dicadangkan untuk dibina di kawasan yang dilabelkan. Tapak ini terdiri dari tiga aras iaitu bahagian A pada aras 21.52, bahagian B pada aras 22.39 dan bahagian C pada aras 24.60.
- (i) Tunjukkan garisan anjakan kontur yang perlu dilakukan pada kawasan tersebut untuk menempatkan taman permainan ini.  
(8 markah)
- (ii) Tandakan kawasan pemotongan tanah dan tambakan tanah.  
(7 markah)
- S4 (a) Dalam proses inventori tapak untuk sesuatu pembangunan, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan tapak pembangunan tersebut. Terangkan secara ringkas bagaimana **lima** jenis proses inventori mempengaruhi analisis tapak berkenaan.  
(10 markah)
- (b) Anda bercadang untuk melaksanakan sebuah projek pembangunan landskap. Bincangkan peringkat-peringkat pelaksanaan kerja yang perlu anda rancang untuk melaksanakan projek tersebut.  
(15 markah)
- S5 (a) Nyatakan **lima** perkara yang perlu diberi pertimbangan untuk menyediakan konsep rekabentuk sesuatu pembangunan.  
(5 markah)
- (b) Dalam proses merekabentuk landskap, terdapat beberapa prinsip rekabentuk yang biasa digunakan. Dengan bantuan laporan,uraikan **lima** reka bentuk dari segi bentuk dan sifatnya.  
(10 markah)
- (c) Pokok-pokok mempunyai peranan terhadap reka bentuk persekitaran. Terangkan **lima** peranan pokok.  
(10 markah)

Lampiran I


Nama:.....

No. Matriks:.....

PEPERIKSAAN AKHIR

SEMESTER/SESI : 1 / 2006/2007  
MATA PELAJARAN : REKABENTUK ASAS SENIBINA  
LANDSKAP

KURSUS : 4 BPC  
KOD MATA PELAJARAN : BPD 4182



Rajah 1